



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Telefon: 03-88832533
Fax : 03-88895245

Ruj.Kami :KKM/100-1/6/3 JLD. 2 (9)

Tarikh : 3 Oktober 2018

**Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Hospital
Semua Pengarah Institusi
Kementerian Kesihatan Malaysia**

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2018**

**PEMANJANGAN PELAKSANAAN PENURUNAN KUASA
URUSAN PENEMPATAN DAN PERTUKARAN PEGAWAI PERUBATAN,
PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI GRED 48 HINGGA 54
(BUKAN PAKAR) DI JABATAN KESIHATAN NEGERI**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memanjangkan pelaksanaan penurunan kuasa *Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2004 – Penurunan Kuasa (Secara Pentadbiran) Mengenai Pengagihan Jawatan dan Penempatan Pegawai di Peringkat Gred 44 dan ke Bawah di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)*. Penurunan kuasa baharu ini melibatkan urusan penempatan dan pertukaran **dalam negeri** bagi **Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi** sehingga **Gred 48 hingga 54 (Bukan Pakar)**.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan saranan Kerajaan supaya sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan diperkemas dan dipertingkatkan, maka Kementerian menetapkan supaya urusan penempatan dan pertukaran yang meliputi tiga (3) skim perkhidmatan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dikaji semula.

3. Berdasarkan pemerhatian, berlaku keadaan di mana penempatan dan penggunaan sumber manusia di peringkat negeri tidak menggambarkan beban tugas dan keperluan sebenar perkhidmatan yang diberikan. Sehubungan itu, Surat Pekeliling ini merupakan garis panduan kepada Pengarah Kesihatan Negeri untuk mengambil tindakan yang bersesuaian dalam mengatasi masalah dan kesulitan yang berlaku.

4. Pelaksanaan penurunan kuasa bagi urusan penempatan dan pertukaran ini dibaca bersekali dengan peraturan induk iaitu **Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2012, Panduan Penempatan dan Pertukaran Pegawai di Kementerian Kesihatan Malaysia (SPKSU Bil.1/2012)** dan surat pemberitahuan seperti berikut:

- (a) Surat Pemberitahuan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2014, Penambahbaikan Urusan Pertukaran dan Penempatan di Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (b) Surat Pemberitahuan Perkhidmatan Farmasi Bilangan 7 Tahun 2017, Panduan dan Kriteria Penempatan dan Pertukaran Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.

OBJEKTIF PENURUNAN KUASA

5. Penurunan kuasa ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia khususnya dalam urusan penempatan dan pertukaran pegawai. Dengan penurunan kuasa ini, Pengarah Kesihatan Negeri perlu memastikan:-

- (a) Sistem dan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa;
- (b) Penempatan dan pertukaran pegawai bagi tiga (3) skim perkhidmatan utama dapat dilaksanakan mengikut kekosongan perjawatan yang telah diluluskan; dan
- (c) Penempatan dan pertukaran di fasiliti negeri dilaksanakan secara adil dan cekap dengan mengutamakan kepentingan perkhidmatan terlebih dahulu berbanding keperluan peribadi pegawai yang memohon.

DASAR PENEMPATAN DAN PERTUKARAN

6. Pelaksanaan pemanjangan penurunan kuasa penempatan dan pertukaran ini adalah **khusus bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Gred 48 hingga 54 (Bukan Pakar)** yang mengisi **jawatan bukan strategik** di JKN. Urusan penempatan dan pertukaran bagi **jawatan strategik** masih dilaksanakan di **peringkat Kementerian**. Jawatan strategik mengikut program adalah seperti di **Lampiran A**.

7. Urusan ini hanya melibatkan penempatan dan pertukaran **dalam negeri** masing-masing sahaja. Permohonan pertukaran **antara negeri** perlu dikemukakan ke Bahagian Sumber Manusia (BSM) KKM.

8. Urusan penempatan dan pertukaran hendaklah dilakukan bagi **mengisi kekosongan jawatan** hakiki di JKN sahaja. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengagihkan perjawatan, permohonan pindah butiran hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu dengan mengemukakan kepada BSM, KKM.

9. Senarai nama pegawai yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran (JKPP) Negeri **hendaklah dipanjangkan** menggunakan format seperti **Lampiran B** kepada:

- (a) Bahagian Sumber Manusia KKM bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi;
- (b) Program Kesihatan Pergigian KKM bagi Pegawai Pergigian (salinan); dan
- (c) Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi KKM bagi Pegawai Farmasi (salinan).

10. Sebarang **rayuan** penempatan dalam negeri hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan JKPP Negeri. Rayuan penempatan dan pertukaran adalah dibenarkan untuk **sekali sahaja dan keputusan rayuan adalah muktamad**.

11. Bagi penempatan dan pertukaran **antara negeri**, BSM KKM akan mengemukakan senarai nama pegawai yang diluluskan kepada JKN. JKPP Negeri bertanggungjawab menguruskan penempatan pegawai-pegawai berkenaan sehingga ke fasiliti terkecil di dalam negeri tersebut. Carta Alir Pertukaran Atas Permohonan Sendiri (Antara Negeri) adalah seperti **Lampiran C**.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

12. Penempatan dan Pertukaran

- (a) Bagi urusan penempatan dan pertukaran, JKPP Negeri hendaklah mematuhi asas-asas pertimbangan yang telah ditetapkan di dalam SPKSU Bil.1/2012;
- (b) Bagi penempatan di **jawatan strategik**, JKN dan Institusi hendaklah mematuhi arahan penempatan dan pertukaran yang ditetapkan oleh Kementerian;
- (c) Walau bagaimanapun, JKN dan Institusi perlu mematuhi arahan penempatan dan pertukaran bagi pegawai yang menjalani latihan kepakaran dan penempatan atas kepentingan perkhidmatan yang diputuskan oleh Kementerian; dan
- (d) Bagi urusan penempatan dan pertukaran Pegawai Farmasi yang bertugas di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri, JKPP Negeri tidak dibenarkan menempatkan pegawai di negeri yang sama dengan ahli keluarga terdekat (pasangan atau ahli keluarga) yang bekerja di farmasi komuniti dengan mengambil kira isu *conflict of interest*.

13. Tempoh Permohonan Pertukaran

- (a) Bagi Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, pegawai yang telah diluluskan pertukaran boleh memohon untuk bertukar semula apabila telah berkhidmat sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** di fasiliti terakhir. Walau bagaimanapun, JKPP KKM berhak menentukan tempoh permohonan pertukaran yang sesuai terutama bagi permohonan yang melibatkan ancaman keselamatan, faktor kesihatan, mengikut pasangan dan bagi tujuan pengajian yang diiktiraf oleh Program masing-masing.
- (b) Bagi Pegawai Farmasi, syarat yang dinyatakan melalui perenggan 16 dan 18 Surat Pemberitahuan Perkhidmatan Farmasi Bilangan 7 Tahun 2017, Panduan dan Kriteria Penempatan / Pertukaran Pegawai Farmasi di KKM adalah **dikekalkan**.

14. JKPP Negeri hendaklah merujuk kepada kriteria yang telah ditetapkan selaras dengan perenggan 30 SPKSU Bil.1/2012 dalam mempertimbangkan permohonan pertukaran dengan **penambahbaikan** seperti berikut:

- (i) tempoh permohonan;
- (ii) tempoh perkhidmatan;
- (iii) tempat berkhidmat;
- (iv) status rekod perkhidmatan;
- (v) bilangan anak;
- (vi) jarak tempat kerja suami/isteri;
- (vii) masalah kesihatan suami/ isteri/ anak/ ibu bapa;
- (viii) sokongan Ketua Jabatan;
- (ix) tujuan pengajian sarjana (tanggungjawab sendiri) yang diiktiraf oleh ketua bidang yang berkaitan dengan bukti pengajian; dan
- (x) kepelbagaian gred dalam sesebuah fasiliti (komposisi) supaya tidak berlaku lebihan *senior* dalam sesebuah fasiliti.

15. Carta Alir Pelaksanaan Penempatan dan Pertukaran Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Gred 48 Hingga 54 (Bukan Pakar) di JKN.

- (a) Carta Alir Pertukaran Pegawai Atas Arahan JKPP Negeri adalah seperti **Lampiran D**; dan
- (b) Carta Alir Pertukaran Atas Permohonan Sendiri (Dalam Negeri) adalah seperti **Lampiran E**.

16. Semua pelaporan data perjawatan, maklumat penempatan dan pertukaran yang dilaksanakan melalui arahan pada SPKSU Bil.1/2012 perlu diteruskan bagi memastikan pengemaskinian data perjawatan di peringkat KKM adalah tepat dan terkini.

PEMBATALAN

17. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, perenggan 15 dan perenggan 20 Surat Pemberitahuan Perkhidmatan Farmasi Bilangan 7 Tahun 2017 **DIBATALKAN**.

KETIDAKPATUHAN


18. Dasar dan garis panduan dalam Surat Pekeliling ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kementerian berhak untuk mengkaji semula dan **menarik balik** penurunan kuasa ini sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan.

19. Kementerian juga boleh menarik balik penurunan kuasa ini **kepada mana-mana negeri** yang didapati tidak mematuhi dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan.

TARIKH KUAT KUASA

20. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa **mulai tarikh surat ini ditandatangani.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

JAWATAN STRATEGIK YANG MEMERLUKAN PERTIMBANGAN PERINGKAT JKPP KKM

BIL	PROGRAM	SENARAI JAWATAN STRATEGIK
(a)	Program Perubatan	(i) Pengarah Kesihatan Negeri (ii) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) (iii) Pengarah Hospital (iv) Timbalan Pengarah Hospital
(b)	Program Kesihatan Awam	(i) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) (ii) Pegawai Kesihatan Bahagian (Sarawak) (iii) Pegawai Kesihatan Kawasan (Sabah) (iv) Pegawai Kesihatan Daerah (Semenanjung) (v) Pegawai Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa
(c)	Program Kesihatan Pergigian	(i) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) (ii) Ketua Penolong Pengarah Kanan (iii) Pegawai Pergigian Bahagian (Sarawak) (iv) Pegawai Pergigian Kawasan (Sabah) (v) Pegawai Pergigian Daerah (Semenanjung) (vi) *Pegawai Pergigian yang menjalani latihan induksi sebelum memulakan tempoh pra-pewartaan; dan (vii) *Pakar Pergigian Klinikal dan Pegawai Pergigian yang menjalani tempoh pra-pewartaan <i>*jawatan bukan strategik yang memerlukan kelulusan penempatan dan pertukaran di peringkat JKPP KKM.</i>
(d)	Program Perkhidmatan Farmasi	(i) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) (ii) Ketua Cawangan Pengurusan Farmasi (iii) Ketua Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi (iv) Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (v) Ketua Cawangan Farmasi Logistik Negeri (Sabah & Sarawak) (vi) Pegawai Farmasi Bahagian (Sarawak) (vii) Ketua Jabatan Farmasi / Ketua Pegawai Farmasi (Hospital) (viii) Pegawai Farmasi Kesihatan Bahagian (Sarawak) (ix) Pegawai Farmasi Kesihatan Kawasan (Sabah) (x) Pegawai Farmasi Kesihatan Daerah (Semenanjung)

**SENARAI KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENEMPATAN DAN PERTUKARAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI**

Mesyuarat Bilangan :

Tarikh Mesyuarat :

BIL	NAMA	NO.KP	JAWATAN/ GRED	PENEMPATAN TERAKHIR	TEMPOH PERKHIDMATAN DI FASILITI TERAKHIR	PENEMPATAN BAHARU	TARIKH LAPOR DIRI	JUSTIFIKASI PERTUKARAN & JENIS PERTUKARAN (ARAHAN/ PERMOHONAN SENDIRI)

Tarikh :

Tandatangan :


Nama Pegawai :

Gelaran Jawatan :


Cop. Rasmi :

Nota: Lampiran ini perlu dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia KKM

CARTA ALIR PERTUKARAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI (ANTARA NEGERI)



CARTA ALIR PERTUKARAN PEGAWAI ATAS ARAHAN JKPP NEGERI



CARTA ALIR PERTUKARAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI (DALAM NEGERI)

